



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA
LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELAKA TAHUN 2013
SEKOLAH KEBANGSAAN SALAK
BILANGAN 01/2013**

Tarikh : 5 September 2013
Hari : Khamis
Masa : 2.45 petang
Tempat : Bilik Gerakan, SK Salak

Kehadiran :

- | | | |
|---------------------------------------|---|------------------------------------|
| 1. En. Azman b. Mokhtar | - | Penasihat (Guru Besar) |
| 2. En. Tarmizi b. Soik | - | Pengerusi (PK Kokurikulum) |
| 3. Pn. Hjh Alimah bt. Mohd Taib | - | Naib Pengerusi 1 (PK Pentadbiran) |
| 4. Pn. Neng bt. Mohamed | - | Naib Pengerusi 2 (PK HEM) |
| 5. Pn. Lenny Nor Lindawaty bt. Powdzi | - | Penyelaras /Ketua Lawatan |
| 6. Pn. Nik Asmazura bt. Nik Ahmad | - | Bendahari |
| 7. En. Mohd Adha b. Abd Wahab | - | AJK Unit Keselamatan Lawatan |
| 8. En. Wan Mansor b. Wan Ibrahim | - | AJK Unit Keselamatan Lawatan |
| 9. En. Wan Aswandi b. Wan Supian | - | AJK Unit Keselamatan Lawatan |
| 10. Pn. Siti Zarimah bt. Ahmad Shari | - | AJK Unit Pertolongan Cemas Lawatan |
| 11. Pn. Noor A'ini bt Ali | - | AJK Unit Pertolongan Cemas Lawatan |
| 12. Pn. Kamariah bt. Ali | - | Setiausaha |

Tidak Hadir Bersebab : Tiada

Turut Hadir :

- | | | |
|---------------------------|---|--------------------|
| 1. Pn. Saanah bt. Ibrahim | - | Penyelaras Tahun 6 |
|---------------------------|---|--------------------|

Urus setia : Tiada

AGENDA

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi, Encik Tarmizi Bin Soik mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Lawatan Sambil Belajar ke Melaka Tahun 2013 Sekolah Kebangsaan Salak Bilangan 01/2013.
- 1.2 Mesyuarat dimulai dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah.
- 1.3 Memaklumkan semula kandungan email dari PPD Sepang yang diterima oleh sekolah pada 3 Januari 2013 mengenai Prosedur Lawatan/Pelancongan Sekolah-Sekolah Bagi Daerah Sepang Tahun 2013 (sila rujuk lampiran : SALINAN EMAIL PROSEDUR LAWATAN/PELANCONGAN SEKOLAH-SEKOLAH BAGI DAERAH SEPANG TAHUN 2013).
- 1.4 Berharap AJK yang terlibat akan mematuhi prosedur tersebut bagi memudahkan permohonan kebenaran lawatan daripada PPD Sepang.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Tiada pengesahan minit mesyuarat yang lepas

3.0 PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit dibincangkan

4.0 PERKARA-PERKARA BAHARU / PERBINCANGAN

4.1 PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELAKA TAHUN 2013

- 4.1.1 Pengerusi, Encik Tarmizi bin Soik mencadangkan nama guru-guru akan menganggotai Jawatankuasa Pelaksana Lawatan Sambil Belajar ke Melaka Tahun 2013 (sila rujuk lampiran : KERTAS KERJA LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELAKA TAHUN 2013 muka surat 9).

Keputusan :

Semua ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan senarai Ahli Jawatankuasa Pelaksana Lawatan Sambil Belajar Ke Melaka yang telah dibentangkan.

Tindakan : Makluman

- 4.1.2 Pelantikan rasmi ahli jawatankuasa pelaksana telah dibuat dan surat lantikan akan diserahkan oleh setiausaha.

Tindakan : Setiausaha

4.2 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELAKA TAHUN 2013

- 4.2.1 Kertas Kerja Lawatan Sambil Belajar Ke Melaka Tahun 2013 dibentangkan oleh Penyelaras Lawatan, Puan Lenny Nor Lindawaty Binti Powdzi (sila rujuk Lampiran : KERTAS KERJA LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELAKA TAHUN 2013).

4.2.2 Butiran Lawatan adalah seperti berikut :

Tarikh Lawatan	: 26 Oktober 2013 hingga 27 Oktober 2013
Hari	: Sabtu hingga Rabu
Tempat yang dilawati	: Sekitar Air Keroh dan Bandar Hilir, Melaka.
Anjuran	: Unit Lawatan SK Salak
Sasaran	: 80 orang murid SK Salak (2 buah bas)
Kadar kutipan	: RM 150.00 / murid

4.2.3 Semua ahli mesyuarat, meneliti dan membincangkan kertas kerja yang mengandungi butiran berikut :

- a. Pengenalan
- b. Rasional
- c. Objektif
- d. Tempat Yang Dilawati
- e. Kumpulan Sasaran
- f. Butiran Lawatan
- g. Anggaran Perbelanjaan
- h. Sumber Kewangan
- i. Jawatankuasa Pelaksana
- j. Aturcara Program Lawatan
- k. Nama Guru-Guru Pengiring
- l. Penutup

Keputusan :

Semua ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan Kertas Kerja Lawatan Sambil Belajar Ke Melaka seperti yang telah dibentangkan.

Satu salinan kertas kerja lawatan ini perlu dihantar kepada Guru Besar untuk mendapat kelulusan.

Tindakan : Setiausaha

4.3 KEBENARAN KUASA MENGUTIP DAN MEMBELANJAKAN WANG UNTUK TUJUAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MELAKA TAHUN 2013

4.3.1 Puan Siti Zarimah Binti Ahmad Shari mencadangkan guru-guru dibawah diberi kebenaran kuasa untuk mengutip dan membelanjakan wang untuk tujuan lawatan sambil belajar ke Melaka Tahun 2013 :

- a. Puan Lenny Nor Lindawaty Binti Powdzi
- b. Puan Nik Asmazura Binti Nik Ahmad

Keputusan :

Semua ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk cadangan di atas.

Surat Kebenaran Kuasa mengutip dan membelanjakan wang untuk tujuan lawatan sambil belajar ke Melaka Tahun 2013 akan disediakan oleh setiausaha dan perlu dihantar kepada Guru Besar untuk mendapat kebenaran.

Tindakan : Setiausah

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Pengerusi, Encik Tarmizi bin Soik mengingatkan tarikh akhir untuk menghantar permohonan lawatan ke PPD Sepang ialah 5 minggu sebelum tarikh lawatan. Tarikh akhir penghantaran permohonan lawatan ialah pada 20 September 2013.

Tindakan : Setiausaha

5.2 Penyelaras Lawatan, Puan Lenny memaklumkan surat pemberitahuan ibu bapa akan diedarkan sebelum atau selewat-lewatnya pada 13 September 2013.

6.0 PENUTUP

6.1 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua AJK dan memohon supaya semua AJK dapat bekerjasama dan akur dengan semua prosedur pelancongan/lawatan yang telah ditetapkan supaya segala aktiviti yang telah dirancang untuk lawatan sambil belajar ini akan berjalan lancar dan keselamatan murid-murid yang mengikuti lawatan akan terjaga.

6.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan bacaan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh,

(KAMARIAH BINTI ALI)

Setiausaha

Jawatankuasa Pelaksana Lawatan Sambil

Belajar Ke Melaka

Sekolah Kebangsaan Salak